

**SOALAN NO. 305****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL  
LEIKING [PENAMPANG]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak menyatakan bangsa/kaum setiap pemilih dalam senarai Daftar Pemilih sedangkan sistem pengesahan status pengundi SPR dipautkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan kenapakah rakyat warga Malaysia tidak dibenarkan mendapat maklumat data-data tersebut daripada SPR.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daftar pemilih merupakan satu dokumen yang digunakan untuk menentukan hak mana-mana pemilih berdaftar untuk mengundi dalam suatu bahagian pilihan raya Parlimen atau Negeri. Justeru itu, maklumat bangsa dan kaum bagi daftar pemilih bukanlah satu maklumat yang diperlukan dalam mengenal pasti kelayakan pemilih.

Sekian, terima kasih.